

BERITA NASIONAL PENDIDIKAN TERKINI

Debat Diraja IPT 2021 : Arena debat jadi wadah tangkis ideologi luar



NORAINI Ahmad (tengah) menyampaikan trofi kepada pendebat terbaik keseluruhan, Nadratul Huda Ahmad di Putrajaya semalam. – UTUSAN/AMREE AHMAD

Oleh AMREE AHMAD 20 Disember 2021, 6:22 pm

POPULAR



'Saya sedia kosongkan kerusi DUN Melalap' – Peter Anthony

28 Disember 2021, 3:37 pm



Ulat berengga bahan 'penambah rasa' petis udang

28 Disember 2021, 3:33 pm

PUTRAJAYA: Penganjuran Debat Diraja Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2021 akan tetap diteruskan setiap tahun bagi melahirkan mahasiswa yang memahami naratif pelbagai isu rakyat.

Malahan, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata, acara berprestij itu terbukti gelanggang kaedah terbaik kemahiran berucap dan memperkukuh kualiti.

"Mereka inilah nanti pewaris yang akan kita harapkan dan yakini mampu berperanan sebagai penimbal suara menepis ideologi luar tidak selari dengan norma masyarakat kita," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Majlis Kemuncak Debat Diraja Antara IPT 2021 anjuran kementerian tersebut menerusi Jabatan Pendidikan Tinggi di sini hari ini.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) melakar sejarah menang berganda apabila menjuarai kategori bahasa Melayu pada hari ini selepas kategori bahasa Inggeris semalam.

Pertandingan bahas elit ala Parlimen Asia edisi ke-22 kali ini dihoskan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan dianjurkan bersama oleh Majlis Universiti Debat Malaysia (Madum) turut mendapat kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) manakala *Utusan Malaysia* dan *Kosmo!* merupakan akhbar rasmi dalam pertandingan yang melibatkan 42 pasukan itu.

Acara kali ini disertai sejumlah 23 buah IPT serta dibahagikan kepada kategori bahasa Melayu dan Inggeris dengan peringkat saringan telah diadakan secara atas talian pada minggu lepas.

Debat berkenaan sudah berlangsung sejak 1995 dengan UIAM sebagai tuan rumah edisi yang pertama namun tidak dapat dianjurkan tahun lalu ekoran kebimbangan isu penularan Covid-19.

Mengulas lanjut, Noraini berkata, arena debat sebenarnya dapat menjadi wadah bermanfaat dalam iltizam kementerian melahirkan mahasiswa matang fikrah pemikiran dan murni siasah.

“Walaupun dalam pertandingan ini, kelihatan ada unsur saling berbantah, namun itulah lumrah perihal debat yang hakikatnya menghasilkan pertukaran pendapat secara sihat,” jelasnya lagi.

Justeru, beliau berhasrat menerapkan debat berilmiah agar graduan IPT ada asas kemahiran komunikasi jitu dalam melontar pandangan dengan bersandar kesimbangan ilmu dan akhlak.

Dalam konteks pendidikan tinggi ujar beliau, debat membimbing mahasiswa agar lebih cakna selok-belok mentadbir sesuatu isu secara konsensus dengan mengutamakan nasib awam.

Menerusi cara itu katanya, pelajar IPT dilatih untuk dapat adaptasi kepada horizon pemikiran yang lebih luas dan matang, di samping mengasah daya fikir dalam pemahaman isu semasa.

Nadratul Huda Ahmad dari Universiti Teknologi Malaysia muncul pendebat terbaik keseluruhan manakala Muhammad Ilham Hafiz Azmi dari UIAM menjuarai pendebat terbaik peringkat akhir.

Mereka masing-masing membawa pulang hadiah disampaikan Noraini yang berupa trofi, wang tunai sebanyak RM1,000, sijil penghargaan dan hadiah-hadiah buku sumbangan DBP. -UTUSAN ONLINE